

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan terhadap gejala penukaran kod yang berlaku di kalangan guru-guru keturunan Cina yang berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina di sebuah sekolah menengah di Seremban.

Objektif Kajian ini adalah untuk meneliti fenomena penukaran kod dalam masyarakat Cina Malaysia yang boleh bertutur pelbagai bahasa dialek khususnya Bahasa Kantonis, Bahasa Mandarin dan bahasa lain iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Di samping itu, kajian ini turut mengesan kekerapan penukaran kod yang berlaku di kalangan dua kumpulan informan ini dan mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan berlaku penukaran kod berdasarkan fungsi-fungsi penukaran kod wacana dan faktor-faktor sosio-budaya.

Bagi memenuhi objektif kajian ini, data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah rakaman perbualan informan secara tidak formal. Selain itu soal-selidik turut dilakukan untuk mengetahui latar belakang pendidikan informan. Data ini kemudian dianalisa dari segi fungsi penukaran kod dan dari aspek sosio-budaya. Perbandingan dilakukan di antara dua kumpulan informan ini.

Diharapkan dapatan daripada kajian ini dapat memberikan gambaran tentang penukaran kod di kalangan masyarakat Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina di Malaysia.